

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

SYARIKAT DIDAPATI BERSALAH KERANA MENCURI BEKALAN ELEKTRIK

Putrajaya, 5 Julai 2012 --- Mahkamah Majistret Selayang kelmarin (Selasa, 3 Julai 2012) telah menjatuhkan hukuman denda terhadap Syarikat Bright Rims Manufacturing Sdn Bhd sebanyak RM60,000.00 atau dua tahun penjara kerana kesalahan membuat pengusikan pada meter elektrik kepunyaan Tenaga Nasional Berhad dan menghalang meter tersebut dari merekodkan penggunaan elektrik yang sebenar.

Majistret Nurul Izzah binti Hasan Basri menjatuhkan hukuman itu selepas berpuas hati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes itu.

Syarikat itu dituduh di bawah subseksyen 37 (3)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM100,000.00 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Ini adalah hukuman kedua tertinggi yang pernah dijatuhkan oleh mahkamah, di mana sebelum ini hukuman denda sebanyak RM70,000.00 telah dikenakan ke atas syarikat Fibre Pak Malaysia Sdn. Bhd. atas kesalahan yang sama.

Syarikat Bright Rims Manufacturing SB diwakili peguam En. Gurdev Singh manakala pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Tenaga (ST), Cik Nazeehan Farhy binti Nasseri.



Seramai lapan (8) orang saksi telah dipanggil oleh pihak pendakwaan manakala pihak pembelaan telah memanggil seorang saksi untuk memberikan keterangan.

Suruhanjaya Tenaga juga mengalu-alukan kerjasama orang ramai untuk memaklumkan sebarang aktiviti yang syaki mencuri elektrik. Amalan mencuri elektrik memberi implikasi yang besar kepada negara kerana ia akan meningkatkan kos pembekalan elektrik kepada pengguna.

-TAMAT-

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

*Asrul Muzaffar b. Mohammed / Noor Haniza bt Noordin
Unit Promosi & Komunikasi
Tel: +603 8870 8531 / +603 8870 8661 Fax: +603 8888 8636
Email: asrul@st.gov.my / haniza@st.gov.my*

Mengenai Suruhanjaya Tenaga

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab mengawal selia sektor tenaga negara, khususnya sektor pembekalan elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bekalan elektrik dan gas berpaip yang disalurkan kepada pengguna adalah selamat, berdaya harap dan pada harga yang berpatutan.